

Lebih 1 juta anggota APM bersiap siaga hadapi tengkujuh



BANJIR dijangka melanda beberapa negeri penghujung tahun ini namun skalanya tidaklah terlalu besar seperti yang berlaku pada tahun 2014. -Gambar hiasan

KUANTAN - Lebih sejuta anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bersiap sedia dan mengambil langkah proaktif menguruskan perpindahan penduduk sebelum fenomena banjir yang dijangka berlaku pada hujung tahun ini.

Pemangku Ketua Pesuruhjaya APM, Datuk Selamat Dahalan berkata, sebelum ini, pihaknya mengakui berlaku sedikit kekalutan sewaktu memindahkan mangsa banjir di-

sebabkan beberapa faktor seperti kekurangan aset dan tenaga kerja.

“Bagaimanapun untuk musim tengkujuh kali ini, kita sudah pun mengenalpasti kawasan berisiko dan pusat-pusat pemindahan.

“Menerusi arahan perpindahan lebih awal (berdasarkan ramalan cuaca), penduduk terlibat boleh memilih sama ada mahu ke pusat pemindahan atau mana-mana tempat perlindungan seperti kediaman

sanak saudara terdekat mahupun hotel,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Seminar Kebangsaan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam 2016 di Universiti Malaysia Pahang dekat sini semalam.

Menurut Selamat lagi, berdasarkan ramalan daripada Jabatan Meteorologi, kemungkinan banjir untuk tahun ini tidaklah seteruk banjir besar yang berlaku pada tahun 2014.